

UMS Hargai Inisiatif Bantuan Pelajar oleh KPT



RABU, 4 NOVEMBER – Pengurusan, kakitangan serta pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal mendapat manfaat daripada inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menyediakan pelajar dengan rancangan data dan peranti elektronik, seperti yang diumumkan oleh menteri KPT, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Rasid Mail menyampaikan penghargaan bagi pihak pengurusan UMS berkata, inisiatif tersebut dapat membantu mengurangkan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengakses sistem pengurusan pengajaran dan pembelajaran dalam talian rasmi (SMARTUMSV3).

"Pengajaran dan pembelajaran dalam talian telah menjadi sandaran utama dalam sistem pendidikan semasa pandemik COVID-19. Oleh demikian, kedua-dua IPTA dan IPTS telah beralih ke sistem dalam talian. Kakitangan akademik dan staf sokongan UMS telah menerima latihan dan dukungan secara berterusan melalui Pusat E-pembelajaran.

"Cabaran utama yang dihadapi oleh 17,829 pelajar yang kini mendaftar di UMS, ialah kos pemindahan data yang tinggi, Hal ini tercetus apabila satu jam kuliah dalam talian dapat menggunakan sehingga 1 Gb data bergantung pada isi kandungan kuliah yang biasanya disampaikan melalui format video secara langsung. Malah, keadaan ekonomi semasa mungkin memberi kesan buruk terhadap kemampuan banyak pelajar untuk membeli kapasiti data," ujarnya.

Daripada 17,829 pelajar UMS, 4,471 pelajar berasal dari Semenanjung, 1,692 pelajar dari Sarawak dan 287 pelajar dari Labuan. Manakala terdapat 5,935 pelajar tinggal di bandar dan 5,444 pelajar tinggal di luar bandar negeri Sabah.

Noraini dalam pengumumannya menjelaskan, pelan data dari Celcom, Digi, Maxis dan Telekom Malaysia menawarkan harga serendah bermula dari RM28 untuk 35gb di domain Google Meet.

Selain itu perkakasan dalam bentuk komputer riba dan peranti mudah alih akan diberikan kepada pelajar dengan harga potongan, di bawah kerjasama antara

syarikat Acer, Samsung dan Apple serta KPT.

KPT memperuntukkan RM3.8 juta yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada 76,100 pelajar, dimana RM24 juta akan diperuntukkan untuk memberi 320,396 pelajar B40 kad SIM, atau wang tunai atau baucar untuk melanggan pelan data.

KPT juga turut menekankan bahawa skim bantuan peranti komputer akan membolehkan 8,965 pelajar B40 yang disasarkan di universiti awam

untuk menerima komputer riba secara percuma atau pinjaman, atau wang tunai atau baucar untuk membeli peranti komputer peribadi mereka. Semua inisiatif ini akan meningkatkan produktiviti pelajar dalam masa penuh mencabar ketika ini.

Tambah Dr. Rasid, pelajar baharu sesi akademik 2020/2021 akan menerima bantuan tunai RM50 untuk membeli rancangan data dan keperluan lain.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua staf akademik UMS atas usaha berterusan mereka untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran dalam talian sebahagian penting dalam budaya UMS.

"Sudah tentu, inisiatif yang diumumkan oleh KPT merupakan keputusan yang dicapai selepas perbincangan secara teliti dan mendalam bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih kondusif, terutama dalam kalangan pelajar UMS," jelasnya.

Beliau juga memuji usaha Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) UMS dalam meningkatkan kemampuan Sistem Pengurusan Pembelajaran UMS dengan peningkatan seni bina rangkaian dan penyelesaian secara inovatif.

"Pandemik COVID-19 mesti dilihat sebagai cabaran penting yang harus diatasi untuk memastikan perkembangan sistem pendidikan tinggi nasional dan menjadikannya setanding dengan standard antarabangsa.

"Sesungguhnya, para pelajar dan kakitangan UMS yakin bahawa sokongan yang kuat dan berterusan dari KPT akan mengukuhkan lagi usaha UMS untuk memastikan pencapaian misi dan visi," katanya.